# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, disebabkan oleh kesan daripada perkara yang material dan signifikan seperti dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan ini tidak memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2008, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
**KETUA AUDIT NEGARA**
**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**

**10 MEI 2010**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap penyata kewangan tersebut.

**3.** Pemerhatian Audit terhadap penyata kewangan adalah seperti berikut:

**3.1 Hartanah, Loji Dan Peralatan – RM49.50 juta**

**3.1.1 Tanah Milik Bebas (Nilaian) – RM34.23 juta**

Amaun RM34.23 juta hanya merupakan jumlah tanah milik penuh Majlis. Pihak Majlis tidak mengiktiraf nilai tanah-tanah Baitulmal yang berkongsi milik sehingga tahun 2008 berjumlah RM12.53 juta menyebabkan amaun hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2008 telah terkurang nyata.

**3.1.2 Pelupusan Tanah Milik Bebas (Nilaian) – RM10.60 juta**

Pihak Majlis tidak mengiktiraf amaun sebenar pelupusan tanah milik bebas dalam tahun kewangan 2008. Amaun pelupusan yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 berjumlah RM10.60 juta merupakan jumlah penurunan baki awal dan baki akhir tanah milik bebas.

**3.2 Kerja Dalam Pelaksanaan – RM0.51 juta**

Pembayaran deposit berjumlah RM0.04 juta bagi pembelian Bangunan Kedai Pejabat Tiga Tingkat bagi Lot 207422 Mukim Hulu Kinta tidak diakaunkan sebagai bayaran deposit di bawah item penghutang. Majlis turut mengakaunkan sejumlah RM0.20 juta bagi pembelian bangunan yang ditandatangan kontrak pembelian dalam tahun 2009 sebagai kerja dalam pelaksanaan. Tiada sebarang perbelanjaan berkaitan pembelian

**3.3 Penghutang – RM0.54 juta**

Jumlah penghutang pada 31 Disember 2008 tidak dapat disahkan kerana Jadual Tunggakan Sewa tidak dikemaskini dan kaedah memperakaunkan transaksi melalui jurnal pelarasan imbangan (*"balancing adjustment"*).

### 3.4 Wang Tunai Di Tangan Dan Di Bank – RM31.07 juta

Sejumlah RM0.12 juta penerimaan wang tunai dan cek tidak dibankkan telah diklasifikasikan sebagai deposit dalam perjalanan di dalam Penyata Penyesuaian Akaun BIMB IP8013010004319 pada 31 Disember 2008. Tindakan ini menyebabkan Wang Tunai Di Tangan Dan Di Bank telah terlebih nyata.

### 3.5 Pemiutang – RM2.51 juta dan Perbelanjaan – RM50.86 juta

Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah terkurang nyata sejumlah RM0.94 juta disebabkan pelarasan terhadap pemiutang dan perbelanjaan bagi tahun 2005 yang dilaraskan dalam tahun semasa.

### 3.6 Sewaan Harta – RM1.12 juta

Semua jenis sewaan harta pada 31 Disember 2008 yang dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal telah terkurang nyata disebabkan oleh ketidakpatuhan dalam pengiktirafan pendapatan berdasarkan kaedah akruan seperti yang dinyatakan di dalam nota kepada Penyata Kewangan Majlis.

Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah di ambil oleh pihak pengurusan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak untuk meningkatkan akauntabiliti awam.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
**KETUA AUDIT NEGARA**
**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**

**10 MEI 2010**

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**, PSM, DSA., PMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK., dan **Tuan Haji Asad bin Awang**, yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

**TUAN HAJI ASAD BIN AWANG**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
dan Ahli Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**
**(PSM., DSA.,SPMP., DPMP., JSM, AMN, PKT., PJK)**
Mufti Kerajaan Negeri Perak

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak

Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 26 NOV 2009

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Saya, **Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**, DPMP., AMP., pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

..................................................................

**DATO' HAJI MOHAMAH NOR BIN MANSOR**
**(DPMP, AMP.)**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**, DPMP., AMP., **No. Kad Pengenalan 500110-08-5473**, di **Ipoh, Perak Darul Ridzuan**, di hadapan saya,

pada 26 NOV 2009

PESURUHJAYA SUMPAH
No. A174
Nama:
Hj. Ahmad Jalany b.
Hj. Mohd Ali PPT.
MALAYSIA

No. 5, (Tingkat Atas)
Bangunan Stesyen Keretapi
Jln. Panglima Bkt Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HARTA** | | | |
| **Harta bukan semasa** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | 49,496,007 | 59,241,682 |
| Kerja dalam pelaksanaan | 4 | 508,586 | 1,174,783 |
| Pelaburan | 5 | 3,714,000 | 3,714,000 |
| Sekuriti pelaburan | 6 | 9,141,324 | 1,641,324 |
| | | 62,859,917 | 65,771,789 |
| **Harta semasa** | | | |
| Pertaruhan, pendahuluan dan pinjaman | 7 | 614,765 | 555,143 |
| Siberhutang | 8 | 537,319 | 944,944 |
| Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen | 9 | 56,083,235 | 34,868,033 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 10 | 31,067,887 | 43,175,982 |
| | | 88,303,206 | 79,544,102 |
| **JUMLAH HARTA** | | 151,163,123 | 145,315,891 |
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | |
| **Kumpulan wang dan rizab** | | | |
| Kumpulan wang Baitulmal | 11 | 110,021,146 | 93,905,567 |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 12 | 3,739,934 | 3,920,959 |
| Tabung pinjaman kakitangan | 13 | 300,000 | 300,000 |
| Rizab modal | 14 | 34,480,302 | 45,082,382 |
| **Jumlah ekuiti** | | 148,541,382 | 143,208,908 |
| **Liabiliti semasa** | | | |
| Pertaruhan | 15 | 106,407 | 100,807 |
| Sipiutang | 16 | 2,515,334 | 2,006,176 |
| **Jumlah liabiliti** | | 2,621,741 | 2,106,983 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | 151,163,123 | 145,315,891 |

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat 8 hingga 16.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA PENDAPATAN ZAKAT
### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Zakat Fitrah | | 7,789,909 | 5,488,534 |
| Zakat Harta | | 25,632,541 | 20,467,541 |
| Zakat Perniagaan | | 23,077,357 | 13,626,762 |
| Zakat Tanaman | | 1,227,406 | 1,220,079 |
| Keuntungan bank | | 231,804 | 29,934 |
| | | 57,959,017 | 40,832,850 |
| **AGIHAN ASNAF** | | | |
| Amil | 17 | 6,187,905 | 5,182,321 |
| Fakir dan Miskin | | 19,439,488 | 13,952,285 |
| Muallaf | | 1,466,084 | 1,480,945 |
| Ghorimin | | 138,005 | 96,788 |
| Ibnu Sabil | | 341,301 | 697,871 |
| Fisabilillah | 18 | 19,636,432 | 7,040,054 |
| | | 47,209,215 | 28,450,264 |
| Lebihan pendapatan | | 10,749,802 | 12,382,586 |

Penyata Pendapatan Zakat di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat 8 hingga 16.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PENDAPATAN SUMBER AM BAITULMAL
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Sewaan harta | | 1,115,870 | 1,914,885 |
| Baitulmal am | | 1,026,370 | 2,325,491 |
| Keuntungan pelaburan | | 1,576,541 | 2,013,310 |
| Hasil faraid | | 104,644 | 82,790 |
| Pendapatan tertunda | 12 | 181,025 | 181,025 |
| Pelbagai pendapatan | | 1,581,168 | 900,538 |
| | | 5,585,618 | 7,418,039 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | | 405,379 | 321,689 |
| Bekalan dan perkhidmatan | | 2,114,844 | 1,876,566 |
| Perbelanjaan lain | | 487,649 | 830,200 |
| Pembangunan Wakaf | | 1,732 | - |
| Susut nilai | 3 | 644,691 | 550,781 |
| | | 3,654,295 | 3,579,236 |
| Lebihan pendapatan | | 1,931,323 | 3,838,803 |

Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat 8 hingga 16.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PERUBAHAN DANA BAITULMAL
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| **KUMPULAN WANG BAITULMAL** | | |
| Baki terkumpul pada 1 Januari | 93,905,567 | 70,526,986 |
| Lebihan pendapatan | 23,153,484 | 15,999,443 |
| Pelarasan tahun lalu | ( 7,037,905) | 7,379,138 |
| Baki terkumpul pada 31 Disember | 110,021,146 | 93,905,567 |

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| **KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI DARIPADA :** | | |
| Zakat | 84,647,907 | 73,898,105 |
| Wakaf | 4,241,075 | 3,809,943 |
| Sumber Am | 10,206,741 | 15,313,323 |
| Amanah | 10,925,423 | 884,196 |
| | 110,021,146 | 93,905,567 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 16 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI OPERASI** | | | |
| Lebihan pendapatan : | | | |
| ~ Zakat | | 10,749,802 | 12,382,586 |
| ~ Wakaf | | 431,132 | ( 221,946) |
| ~ Sumber Am | | 1,931,323 | 3,838,803 |
| Tambahan dalam dana Amanah | | 10,041,227 | - |
| Pelarasan tahun lalu | | ( 7,037,905) | 7,379,138 |
| | | 16,115,579 | 23,378,581 |
| Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai : | | | |
| ~ Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | - | ( 19,936) |
| ~ Susut nilai | | 772,819 | 718,406 |
| | | 16,888,398 | 24,077,051 |
| (Kenaikan) dalam pertaruhan, pendahuluan dan pinjaman | | ( 59,622) | ( 36,184) |
| Kenaikan dalam siberhutang | | 407,625 | 266,000 |
| Kenaikan dalam pertaruhan | | 5,600 | 280 |
| Kenaikan/ (Penurunan) dalam sipiutang | | 509,158 | ( 2,552,203) |
| (Penurunan) dalam sumbangan Kerajaan Negeri | | ( 181,025) | ( 181,025) |
| Kenaikan dalam tabung pinjaman kakitangan | | - | 100,000 |
| Aliran tunai daripada operasi | | 17,570,134 | 21,673,919 |
| **ALIRAN TUNAI PELABURAN** | | | |
| Perolehan hartanah, loji dan peralatan | | ( 454,441) | ( 372,641) |
| Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | - | 339,024 |
| Bayaran kemajuan kerja dalam pelaksanaan | | ( 508,586) | ( 962,726) |
| (Tambahan)/ Kurangan dalam sekuriti pelaburan | | ( 7,500,000) | 5,000,000 |
| Aliran tunai (untuk)/ daripada pelaburan | | ( 8,463,027) | 4,003,657 |
| Penambahan dalam tunai dan kesetaraan tunai | | 9,107,107 | 25,677,576 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | | 78,044,015 | 52,366,439 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 19 | 87,151,122 | 78,044,015 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 8 hingga 16 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') ialah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Aktiviti utama Majlis ialah menganjur, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan pentadbiran masyarakat Islam berpandukan hukum-hukum Syarak di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Asas perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak hukum syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersirat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada piawaian-piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan yang disediakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("*Malaysian Accounting Standards Board*") – MASB.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

b) Pengiktirafan pendapatan

Semua hasil diambil kira berasaskan tunai, kecuali hasil daripada sewaan harta yang diiktiraf berdasarkan kaedah akruan.

c) Tanah dan penilaian

Tanah milik bebas dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

d) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Kesemua item di bawah hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Tanah milik bebas tidak diperlunaskan kerana tempoh usia guna yang tidak terbatas, manakala, tanah milik pajakan diperlunaskan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan atas dasar garis lurus untuk menghapuskan kos dalam jangka hayat kegunaan harta-harta tersebut pada kadar tahunan berikut:-

| | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Bangunan-bangunan kekal | 2.50 % |
| Bangunan-bangunan sementara | 10.00 % |
| Kenderaan | 20.00 % |
| Jentera pencetak dan mesin | 10.00 % |
| Perkakas dan alatan pejabat | 20.00 % |

e) Sumbangan Kerajaan Negeri

Sumbangan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan harta tetap diambil kira sebagai pendapatan tertunda yang diperuntukkan kepada pendapatan atas jangka hayat harta-harta tetap berkenaan.

f) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk wang dalam perpindahan yang masih dipegang oleh pejabat-pejabat pentadbiran daerah yang belum dipindahkan ke akaun ibu pejabat.

g) Penghutang

Penghutang dan lain-lain penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh realis. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah kajian dibuat ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh Lembaran Imbangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

h) Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal. Peruntukan rosot nilai tetap saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2008

| Butiran | Kos/ Nilaian pada 1.1.2008 RM | Tambahan/ (Pelupusan) RM | Kos/ Nilaian pada 31.12.2008 RM | Susut nilai terkumpul pada 1.1.2008 RM | Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM | Susut nilai terkumpul pada 31.12.2008 RM | Nilai buku pada 31.12.2008 RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tanah milik bebas : | | | | | | | |
| – kos | 2,909,543 | - | 2,909,543 | - | - | - | 2,909,543 |
| – nilaian | 44,835,282 | (10,602,080) | 34,233,202 | - | - | - | 34,233,202 |
| Tanah milik pajakan | 202,050 | - | 202,050 | 44,415 | 2,066 | 46,481 | 155,569 |
| Bangunan kekal : | | | | | | | |
| – Kompleks Islam D.R. | 17,744,067 | 1,324,758 | 19,068,825 | 8,339,128 | 443,601 | 8,782,729 | 10,286,096 |
| – Bangunan Baitulmal | 2,640,737 | - | 2,640,737 | 1,234,993 | 66,018 | 1,301,011 | 1,339,726 |
| Bangunan sementara | 10,917 | - | 10,917 | 10,914 | - | 10,914 | 3 |
| Kenderaan | 597,439 | - | 597,439 | 383,578 | 90,595 | 474,173 | 123,266 |
| Mesin dan jentera | 283,449 | - | 283,449 | 283,440 | - | 283,440 | 9 |
| Perkakas dan alatan pejabat | 1,813,533 | 304,466 | 2,117,999 | 1,498,867 | 170,539 | 1,669,406 | 448,593 |
| | 71,037,017 | (8,972,856) | 62,064,161 | 11,795,335 | 772,819 | 12,568,154 | 49,496,007 |

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

**2007**

| Butiran | Kos/ Nilaian pada 1.1.2007 RM | Tambahan/ (Pelupusan) RM | Kos/ Nilaian pada 31.12.2007 RM | Susut nilai terkumpul pada 1.1.2007 RM | Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM | Susut nilai terkumpul pada 31.12.2007 RM | Nilai buku pada 31.12.2007 RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tanah milik bebas : | | | | | | | |
| – kos | 2,909,543 | - | 2,909,543 | - | - | - | 2,909,543 |
| – nilaian | 17,014,757 | 27,820,525 | 44,835,282 | - | - | - | 44,835,282 |
| Tanah milik pajakan | 202,050 | - | 202,050 | 42,350 | 2,065 | 44,415 | 157,635 |
| Bangunan kekal : | | | | | | | |
| – Kompleks Islam D.R. | 17,744,067 | - | 17,744,067 | 7,895,526 | 443,602 | 8,339,128 | 9,404,939 |
| – Bangunan Baitulmal | 2,640,737 | - | 2,640,737 | 1,168,975 | 66,018 | 1,234,993 | 1,405,744 |
| Bangunan sementara | 10,917 | - | 10,917 | 10,914 | - | 10,914 | 3 |
| Kenderaan | 493,582 | 103,857 | 597,439 | 292,982 | 90,596 | 383,578 | 213,861 |
| Mesin dan jentera | 283,449 | - | 283,449 | 283,440 | - | 283,440 | 9 |
| Perkakas dan alatan pejabat | 1,634,734 | 178,799 | 1,813,533 | 1,400,739 | 98,128 | 1,498,867 | 314,666 |
| | 42,933,836 | 28,103,181 | 71,037,017 | 11,094,926 | 700,409 | 11,795,335 | 59,241,682 |

Harta tetap bangunan kekal – Kompleks Islam Darul Ridzuan di atas, adalah diperolehi melalui sumber-sumber seperti berikut :-

a) Pinjaman Jangka Panjang – telahpun diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2004.

b) Sumbangan Kerajaan Negeri – diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan secara berskala berdasarkan kadar susut nilai seperti yang dijelaskan pada Nota 2 e) Kepada Penyata Kewangan di atas.

### 4. KERJA DALAM PELAKSANAAN

Ini merupakan bayaran kemajuan terkumpul bagi projek pengubahsuaian ruang pejabat zakat di bangunan bersebelahan Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, projek pengubahsuaian ruang pejabat zakat di pejabat Pentadbiran Majlis cawangan Taiping serta pendahuluan bagi pembelian sebuah bangunan kedai di Ipoh.

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 5. PELABURAN

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| Pada harga kos : | | |
| Saham-saham tersiar harga di Malaysia | 3,714,000 | 3,714,000 |
| Nilai pasaran pada 31 Disember | 4,476,240 | 6,413,280 |

### 6. SEKURITI PELABURAN

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| Pada harga kos : | | |
| Saham-saham amanah dan pelaburan berstruktur | 9,141,324 | 1,641,324 |

### 7. PERTARUHAN, PENDAHULUAN DAN PINJAMAN

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| Pertaruhan | 294,749 | 294,748 |
| Pinjaman kenderaan | 232,478 | 211,363 |
| Pinjaman komputer | 25,032 | 22,897 |
| Pelbagai pinjaman | 59,239 | 22,268 |
| Pelbagai pendahuluan | 3,267 | 3,867 |
| | 614,765 | 555,143 |

### 8. SIBERHUTANG

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| Sewa bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan | 315,754 | 431,348 |
| Sewa bangunan Baitulmal | 410,444 | 702,475 |
| Sewa tanah Baitulmal | 4,067 | 4,067 |
| Wang terlebih bayar | 54,404 | 54,404 |
| Wang yang belum diserah oleh Kadi | 67,061 | 67,061 |
| Siberhutang pelbagai | 21,613 | 21,613 |
| | 873,343 | 1,280,968 |
| Tolak : Peruntukan hutang ragu | ( 336,024) | ( 336,024) |
| | 537,319 | 944,944 |

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

## 9. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Pelaburan di bawah skim pematuhan syariah | 56,083,235 | 34,868,033 |

## 10. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Wang di tangan dan di bank : | | |
| ~ Zakat | 24,065,186 | 31,290,967 |
| ~ Wakaf | 678,296 | 211,751 |
| ~ Sumber Am | 5,719,937 | 11,604,713 |
| ~ Akaun Pelbagai | 320,727 | - |
| | 30,784,146 | 43,107,431 |
| Wang dalam perpindahan kira-kira Kadi | 223,020 | 38,098 |
| Wang dalam perpindahan panjar runcit | 60,721 | 30,453 |
| | 31,067,887 | 43,175,982 |

## 11. KUMPULAN WANG BAITULMAL

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| **11.1 Zakat** | | |
| Baki awal tahun | 73,898,105 | 61,587,507 |
| Lebihan pendapatan | 10,749,802 | 12,382,586 |
| Pelarasan tahun lalu | - | ( 71,988) |
| Baki akhir tahun | 84,647,907 | 73,898,105 |
| **11.2 Wakaf** | | |
| Baki awal tahun | 3,809,943 | 4,031,889 |
| (Kekurangan)/ Lebihan pendapatan | 431,132 | ( 221,946) |
| Baki akhir tahun | 4,241,075 | 3,809,943 |
| **11.3 Sumber Am** | | |
| Baki awal tahun | 15,313,323 | 4,023,394 |
| Lebihan pendapatan | 1,931,323 | 3,838,803 |
| Pelarasan tahun lalu | ( 7,037,905) | 7,451,126 |
| Baki akhir tahun | 10,206,741 | 15,313,323 |

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 11. KUMPULAN WANG BAITULMAL (sambungan)

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| **11.4 Amanah** | | |
| Baki awal tahun | 884,196 | 884,196 |
| Pelarasan tahun lalu | 10,041,227 | - |
| Baki akhir tahun | 10,925,423 | 884,196 |
| | 110,021,146 | 93,905,567 |

### 12. SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Baki awal tahun | 3,920,959 | 4,101,984 |
| Tolak : Dilunaskan sebagai pendapatan dan ditunjukkan pada Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal | ( 181,025 ) | ( 181,025 ) |
| Baki akhir tahun | 3,739,934 | 3,920,959 |

### 13. TABUNG PINJAMAN KAKITANGAN

Ini merupakan dana pusingan di bawah Akaun Amanah yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan suntikan dana daripada sumber am baitulmal, bertujuan untuk membiayai pinjaman peribadi kakitangan untuk pembelian kenderaan, komputer dan pendahuluan diri.

### 14. RIZAB MODAL

Ini merupakan lebihan atas kos yang berbangkit daripada penilaian semula tanah-tanah milik Majlis, berasaskan polisi yang dijelaskan di Nota 2 c) Kepada Penyata Kewangan di atas.

### 15. PERTARUHAN

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Pertaruhan sewa | 104,807 | 99,807 |
| Pertaruhan air | 1,600 | 1,000 |
| | 106,407 | 100,807 |

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 16. SIPIUTANG

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Bantuan am | 1,016,511 | 716,971 |
| Belanja mengurus | 197,534 | 267,316 |
| Bayaran audit | 55,500 | 72,100 |
| Bayaran terdahulu | 96,000 | - |
| Pelbagai sipiutang | 1,149,789 | 949,789 |
| | 2,515,334 | 2,006,176 |

### 17. AMIL

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Emolumen | 1,611,035 | 1,531,348 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 2,846,338 | 2,444,843 |
| Inventori | 137,311 | 94,129 |
| Perbelanjaan lain | 1,465,093 | 944,376 |
| Susutnilai | 128,128 | 167,625 |
| | 6,187,905 | 5,182,321 |

### 18. FISABILILLAH

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran | 5,578,362 | 4,732,501 |
| Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat | 1,582,434 | 140,428 |
| Elaun guru kelas pengajian Al-Quran | 164,138 | 67,133 |
| Insentif mubaligh dan guru kelas muallaf | 723,958 | 750,427 |
| Promosi dan dakwah zakat | 416,917 | 370,805 |
| Pembangunan Islam | 10,840,906 | 599,172 |
| Bantuan bencana | 194,059 | 130,166 |
| Bantuan anak yatim | 84,086 | 150,835 |
| Sumbangan kepada pasukan keselamatan | 43,990 | 29,239 |
| Amil khas (institusi) | 7,582 | 69,348 |
| | 19,636,432 | 7,040,054 |

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

### 19. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada berikut;

| | 2008<br>RM | 2007<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen | 56,083,235 | 34,868,033 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 31,067,887 | 43,175,982 |
| | 87,151,122 | 78,044,015 |

### 20. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah disusun semula untuk menyesuaikannya dengan persembahan tahun ini.